

MT terima semula

BH 18 FEB 2008

Oleh Kadir Dikoh dan Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Khamis – Majlis Tertinggi (MT) Umno hari ini membuat keputusan menerima semula bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Muhammad Muhd Taib dalam MT, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri yang juga Presiden Umno berkata, keputusan itu bermakna Muhammad yang sebelum ini

bercuti daripada menjalankan tugas sebagai naib presiden Umno, kini dibenarkan menghadiri semula mesyuarat MT.

“Kita (ahli MT) berpendapat bahawa dia bolehlah mengambil tempatnya semula dalam MT Umno sebagai Naib Presiden,” katanya pada sidang akhbar selepas mempengerusikan mesyuarat MT selama kira-

kira empat jam di sini.

Ditanya mengapa keputusan itu dibuat sekarang sedangkan kes itu sudah lama berlalu, Dr Mahathir berkata, keputusan itu dibuat selepas mahkamah memutuskan Muhammad tidak bersalah.

“Dia membuat rayuan dan MT sudah menimbang semula rayuannya. Kita tak ada sebab untuk menghalang ke-

masukannya kerana dia didapati tidak bersalah dan dia juga tidak membuat sebarang kesalahan kepada partisemasa dia sedang bercuti,” katanya.

Muhammad bercuti daripada menjalankan tugasnya sebagai Naib Presiden berikutan kes mahkamah yang dihadapinya pada 1997.

Berikutan penahanannya di Lapangan Terbang Bris-

Muhammad

bane, Australia pada akhir 1996 kerana kegagalannya mengisytiharkan wang tunai dalam pelbagai mata wang berjumlah RM2.7 juta, Muhammad, 53, juga meletak jawatan sebagai Menteri Besar Selangor pada April 1997.

Pada Mei 1998, mahkamah Brisbane mengisytiharkan Muhammad yang menjadi Naib Presiden sejak

1993, bebas daripada segala tuduhan manakala pada April tahun lalu Peguam Negara memutuskan untuk tidak membuat rayuan terhadap keputusan Mahkamah Tinggi membebaskan Muhammad berikutan gagal mengisytiharkan harta milik beliau dan keluarganya.

Tahun lalu, MT tidak membenarkan Muhammad

bertanding dalam pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian kerana masih menghadapi kes mahkamah ketika itu.

Mengenai laporan bahawa MT Umno membenarkan pegawai kerajaan dalam kumpulan A untuk bergerak cergas dalam politik, Dr Mahathir berkata ia tidak benar sama sekali.

“Kita tidak ada pendirian

berkenaan selain daripada mematuhi peraturan kerajaan iaitu kumpulan A tidak boleh aktif dalam politik.

“Sebarang kenyataan lain yang dibuat oleh mana-mana pihak yang menyatakan bahawa kumpulan A boleh aktif dalam Umno adalah tidak benar, tidak berasas kepada keputusan MT,” katanya.